



*Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia* (926/89(wp))

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

1. Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mempunyai pengalaman dalam mengendalikan kafeteria atau restoran adalah dipelawa untuk menghantar cadangan sebutharga bagi perkhidmatan di bawah.

RUJUKAN TAWARAN	BUTIRAN KERJA	TARIKH TUTUP
FNB/KKR/2/2017	Mengendalikan Perkhidmatan Makanan Dan Minuman Di Kafe Halfway Hut Lubang 7, Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia	15 Jun 2017 (Khamis) 12.00 Tengahari

2. Syarikat yang berminat dikehendaki mengemukakan sesalinan sijil pendaftaran syarikat yang masih sah tempohnya dan profil syarikat yang mengandungi latar belakang syarikat dan penyata kewangan tiga (3) bulan terkini bersama dokumen cadangan.
3. Dokumen cadangan yang lengkap hendaklah mengandungi :
  - (i) Kadar sewa. (Nota: Kadar sewa minimum adalah RM700.00 sebulan, tidak termasuk bil elektrik dan air. Wang cagaran/deposit adalah bersamaan tiga (3) bulan kadar sewa).
  - (ii) Tempoh kontrak perkhidmatan. (Nota: Tempoh minimum adalah tiga (3) tahun).
  - (iii) Cadangan menu dan kadar harga yang akan ditawarkan. (Nota: Menu utama yang perlu ditawarkan adalah minuman panas dan sejuk seperti teh tarik, kopi, minuman botol/tin dan makanan segera seperti sup tulang, sup ekor, ayam penyet dan sebagainya. Penyebutharga boleh mencadangkan menu-menu lain yang bersesuaian).
  - (iv) Cadangan peralatan dan kelengkapan yang akan disediakan (contoh: kerusi, meja, peti ais dan sebagainya).
  - (v) Waktu operasi. (Nota: 7.00 pagi hingga 7.00 malam setiap hari).
  - (vi) Cadangan-cadangan lain yang bersesuaian dan berkaitan.
4. Syarikat yang berminat dijemput membuat lawatan ke tempat perkhidmatan bagi meninjau kemudahan-kemudahan yang disediakan. Pegawai yang boleh dihubungi bagi maksud ini adalah Puan Suzana di talian 017-3086686.
5. Dokumen cadangan yang lengkap hendaklah dikemukakan tidak lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di alamat berikut:

**ARAS 1 PEJABAT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN  
KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
BUKIT KIARA OFF JALAN DAMANSARA  
60000 KUALA LUMPUR**

**KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

Tarikh Iklan : 15 Mei 2017